

19 JANUARI 2018

HARIAN

Butterworth

Genggam heroin dalam tangan

Helah seorang lelaki menyembunyikan peket dadah dalam genggam tangan tidak berjaya apabila ditemui polis yang menjalankan pemeriksaan terhadap lelaki itu, kelmarin.

Sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis, Daerah Seberang Perai Utara (IPDSPU) diketuai Inspektor K Tanapalan menyerbu sebuah rumah di Kampung Telok, Sungai Dua, jam 12 tengah malam.

Menyedari kehadiran polis, suspek berusia 33 tahun menyembunyikan dadah dalam genggam tangan kanannya.

Ketua Polis Daerah SPU Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, suspek gagal menyembunyikan dadah apabila polis yang membuat pemeriksaan menemui peket plastik mengandungi heroin.